

Soalan No: 95

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 27.7.2017**  
**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa syarikat YTL dipilih untuk membekalkan computer mudah alih Chromebook walaupun syarikat tersebut bukan pembuat perkakasan komputer.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembekalan *Chromebook* telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai Jun 2013. Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. (YTLC) dipilih untuk membekalkan komputer mudah alih Chromebook kerana syarikat tersebut mempunyai keupayaan dalam menyediakan satu pakej penyelesaian menyeluruh (*comprehensive solutions package*) bagi perkhidmatan Pembekalan Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Ke Makmal Komputer Secara Konsep Makmal Komputer Mudah Alih Menggunakan Perkakasan Notebook Dengan Sistem Operasi Chrome berasaskan capaian internet teknologi 4G. Di samping itu, YTLC berupaya menyediakan aplikasi, kandungan dan perkhidmatan berasaskan pendidikan dengan menggunakan *cloud-base computing*.

**NO SOALAN :96****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL  
(KUALA KEDAH)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 27.07.2017**

**Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terma-terma penyelesaian prosiding timbang tara di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London antara 1MDB dan IPIC. Berapa banyakkah jumlah wang yang dijangkakan akhirnya perlu dibayar 1MDB kepada IPIC.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa

London.

Syarat-syarat penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya.

Di samping itu, pihak 1MDB dan IPIC telah bersetuju untuk melaksanakan rundingan secara jujur (*good faith negotiations*, dengan izin) berkenaan dengan wang yang telah dibayar oleh 1MDB kepada entiti-entiti tertentu.

Penyelesaian timbang tara ini memaparkan resolusi kepada satu cabaran besar yang dihadapi oleh 1MDB.